

## Penstrukturan Dasar Sabah Maju Jaya dalam Isu Mahasiswa OKU di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Sabah

*(Sabah Maju Jaya's Policy Structuring in the Issue of Disabled Students at the Sabah Public Institute of Higher Education)*

Mohamad Ikhrum bin Mohamad Ridzuan<sup>1\*</sup> , Siti Nur Aafifah Hashim<sup>2</sup>   
Noraini bt Zulkifli<sup>3</sup> 

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia.

Email: ikhrum@ums.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Sosial Sains & Seni Liberal, UCSI University Kuala Lumpur, 8<sup>th</sup> Floor Block G, UCSI Heights, 1, Jalan Menara Gading 1 Kuala Lumpur Federal Territory of Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: aafifah@ucsiuniversity.edu.my

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Perdana Sg. Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: noraini@upnm.edu.my

### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Mohamad Ikhrum bin  
Mohamad Ridzuan  
(ikhrum@ums.edu.my)

### KATA KUNCI:

Pelajar OKU  
Sabah Maju Jaya  
Sabah  
Pembelajaran dan Pengajaran

### KEYWORDS:

Disabled students  
Sabah Maju Jaya  
Sabah  
Learning and Teaching

### CITATION:

Mohamad Ikhrum bin Mohamad Ridzuan, Siti Nur Aafifah Hashim & Noraini Zulkifli. (2023). Penstrukturan Dasar Sabah Maju Jaya dalam Isu Mahasiswa OKU di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002330. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2330>

### ABSTRAK

Dasar Sabah Maju Jaya merupakan sebuah inisiatif kerajaan yang direka untuk menyokong pembangunan keseluruhan Sabah, meliputi pelbagai kemajuan masyarakat. Di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Sabah, kajian ini memfokuskan kepada penstrukturan semula asas yang diperlukan untuk menyelesaikan cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKU, khususnya mereka yang mengalami masalah fizikal atau pembelajaran. Matlamatnya adalah untuk menyediakan pelajar OKU peluang yang sama dan persekitaran pembelajaran yang mesra OKU. Kajian ini berhasrat untuk meneliti cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKU di IPTA di Sabah dengan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu serta pengalaman yang telah direkodkan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif untuk mengumpul data menerusi kaedah analisis dokumen. Hasil kajian mendapati terdapat banyak bidang penting yang memerlukan perhatian dalam asas penstrukturan semula Dasar Sabah Maju Jaya untuk membantu pelajar OKU di IPTA.

### ABSTRACT

A government project called Sabah Maju Jaya aims to support Sabah's overall development by advancing several facets of the local community. This study focuses on the fundamental reorganisation necessary in public institutions of higher learning (IPTA) Sabah to address the difficulties faced by disabled students, particularly those with physical or academic difficulties. The objective is to offer impaired students equal opportunity and a learning environment that

is accessible to them. By looking into other studies as well as experiences that have been documented, this study seeks to examine the difficulties OKU students at IPTA in Sabah encounter. Data for this study are gathered through document analysis using a qualitative methodology. According to the study's findings, there are a lot of crucial areas that the Sabah Maju Jaya Policy needs to be fundamentally restructured to address in order to assist IPTA's impaired students.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur berkaitan aspek pembangunan modal insan.

## 1. Pengenalan

Polemik Orang Kurang Upaya (OKU) saban hari telah mendapat perhatian yang khusus daripada media massa. Atas faktor tersebut telah menyebabkan pelbagai perbincangan serta forum-forum yang dijalankan dalam membincangkan mengenai tanggungjawab masyarakat, peranan dan paling utama ialah hak asasi golongan tersebut. Sebagai contoh pada November 2017, Mohd Hanapiah Yeop Saharuddin, seorang yang cacat penglihatan, koma selepas jatuh ke landasan monorel (Zaidi, 2017). Dua hari selepas itu seorang lelaki yang kurang upaya telah maut dilanggar komuter di Padang Besar, Perlis. Pada bulan Ogos 2022 pula seorang pemuda yang cacat penglihatan dan pendengaran telah dibantu oleh orang awam selepas terpaksa mengelak laluan kemudahan panduan trek pejalan kaki bagi orang buta yang dihalang oleh segelintir peniaga yang mendirikan gerai di atas laluan (Amir, 2022). Kejadian tersebut telah menimbulkan kemarahan pihak-pihak tertentu yang menganggap terdapat syarikat yang memandang ringan pengurusan orang kurang upaya yang menggunakan perkhidmatan awam. Pada masa yang sama terhadap segelintir masyarakat yang tidak peka dengan keperluan serta keadaan warga OKU. Selain itu, diskriminasi terhadap golongan ini terus berlaku di tempat kerja apabila hampir 100 aduan diterima pada setiap bulan. Kebanyakan aduan yang diterima membabitkan dakwaan ketidakadilan majikan dan rakan sekerja, antaranya ialah diberikan jawatan tanpa mengikut kelayakan walaupun ada dalam kalangan mereka mempunyai kelulusan tinggi sehingga peringkat sarjana dan Doktor Falsafah (Ahmad Fadhlullah, 2022).

OKU didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai kekurangan daripada aspek fizikal atau mental dan tidak mempunyai hak yang saksama dalam bidang pendidikan, kesihatan dan peluang pekerjaan (World Health Organisation, 2011). Menurut Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai hak orang kurang upaya termasuk mereka yang mengalami ketidakupayaan jangka panjang daripada segi mental, fizikal, intelektual atau deria yang menghalang mereka berinteraksi melalui penyertaan penuh dan efektif dalam masyarakat sama seperti orang lain (United Nations, 2022). Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) (2023), OKU yang berdaftar sehingga 31 Ogos 2022 ialah seramai 619,273 orang berbanding pada tahun 2021 iaitu seramai 583,427 orang. Manakala statistik pendaftaran OKU mengikut peringkat umur dan kategori adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Statistik Pendaftaran OKU Mengikut Peringkat Umur dan Kategori Sehingga 31 Januari 2023

Bil	Peringkat Umur	Penglihatan	Pendengaran	Pertuturan	Fizikal	Pembelajaran	Mental	Pelbagai	Jumlah
1	Kurang Dari 6 tahun	212	510	16	1,434	6,611	2	955	9,740
2	6-12 Tahun	1,360	2,030	460	6,044	56,014	9	4,858	70,775
3	13 – 18 Tahun	2,126	2,513	613	6,717	55,275	70	4,236	71,550
4	19 – 21 Tahun	1,413	1,375	189	4,065	23,342	211	1,432	32,027
5	22 – 35 Tahun	8,026	8,534	503	29,122	64,018	7,765	5,848	123,816
6	36 – 45 Tahun	7,200	6,797	430	30,457	16,002	13,844	3,319	78,049
7	46 – 59 Tahun	13,493	8,814	614	58,662	10,748	19,431	4,092	115,854
8	60 Tahun Ke Atas	21,410	12,079	572	82,717	3,721	11,080	4,147	135,726
<b>JUMLAH</b>		<b>55,240</b>	<b>42,652</b>	<b>3,397</b>	<b>219,218</b>	<b>235,731</b>	<b>52,412</b>	<b>28,887</b>	<b>637,537</b>

Sumber: [Jabatan Kebajikan Masyarakat \(2023\)](#)

Berdasarkan [Jadual 1](#), jumlah golongan OKU di Malaysia adalah 18% berbanding 32.9 juta penduduk Malaysia. Walaupun jumlah tersebut menunjukkan golongan OKU merupakan golongan minoriti tetapi hak mereka tidak boleh dipinggirkan dan wajib diberikan perhatian oleh masyarakat. Resolusi 70/1 yang bertarikh 25 September 2015, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menghujahkan bahawa antara mereka yang dianggap sebagai golongan “rentan” ialah orang kurang upaya yang perlu diberikan ruang dan peluang untuk menambah baik kelangsungan hidup mereka. Matlamat dan komitmen Malaysia untuk melaksanakan agenda Matlamat Pembangunan Mapan 2030 (SDG 2030) ialah melalui kerangka antarabangsa dalam usaha membasmi kemiskinan dan mencapai pembangunan lestari menjelang tahun 2030. Atas faktor tersebut dalam aspek sistem pendidikan negara, golongan OKU tidak boleh dikecualikan. Prinsip pendemokrasian pendidikan telah diamalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam merancang pendidikan untuk semua individu tanpa mengira latar belakang, kaum, status ekonomi dan ketidakupayaan mempunyai hak untuk mengakses kepada pendidikan. Pada tahun 2019, Dasar Sifar Penolakan dilaksanakan secara berperingkat bagi pelajar berkeperluan khas dalam memastikan mereka menerima pendidikan yang selari dengan ketidakupayaan individu. Justeru, mengingklusifkan pelajar berkeperluan khas di IPT merupakan hasrat yang ingin dicapai dalam pendidikan Malaysia bertaraf global. Disebabkan itu, pelajar berkeperluan khas di peringkat pengajian tinggi perlu mempunyai peluang yang adil dan sama rata untuk menambah ilmu pengetahuan, memperluaskan kemahiran sosial serta memperoleh kelayakan akademik.

## 2. Permasalahan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji cabaran Mahasiswa OKU di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Sabah dan sejauh mana sistem sokongan pekerjaan yang diberikan kepada mahasiswa OKU bagi meneruskan hasrat kerajaan untuk menjadikan Sabah sebuah negara maju menjelang tahun 2025 seperti mana dalam dasar Sabah Maju Jaya 2023. Hal ini kerana di IPTA sabah sahaja (Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Teknologi Mara) lebih kurang 150 orang Mahasiswa OKU telah dikenal pasti. Mereka terdiri daripada golongan OKU yang mempunyai masalah seperti penglihatan, pendengaran, lumpuh dan pertuturan. Seperti yang diperjuangkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana hak pendidikan yang sama rata perlu diberikan kepada golongan ini. Justeru, beberapa cabaran utama bagi golongan tersebut untuk mendapatkan hak pendidikan agar tidak keciciran telah dikenal pasti. Sebagai contoh, kemudahan fasiliti untuk kediaman asrama dan bilik kuliah yang tidak begitu sesuai telah menjadi halangan kepada golongan tersebut untuk meneruskan pengajian ke peringkat tinggi. Walaupun pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah membangunkan dasar *Inclusive Open Educational Resources (iOER)* khusus bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) namun ia belum dilaksanakan secara menyeluruh ke semua IPTA di Malaysia ([UNESCO, 2021](#)).

Dasar-dasar kerajaan berkaitan sistem sokongan terhadap golongan Mahasiswa OKU di IPTA juga dirujuk bagi mencari sebuah alternatif baharu bagi melindungi hak mereka dan membantu golongan ini daripada tercicir dalam aspek pendidikan. Bantuan daripada pihak NGO yang berminat dengan isu ini juga akan dikenal pasti bagi membantu dalam

memberikan buah fikiran. Selain itu, kajian turut memberi fokus kepada Mahasiswa OKU di IPTA Sabah dalam membantu mereka menghadapi cabaran di alam pekerjaan. Ini termasuklah berkenaan sistem sokongan pekerjaan yang lebih kondusif kepada mereka. Perkara ini kerana bukan semua syarikat akan mengambil warga OKU kerana kekurangan yang dihadapi oleh mereka. Malah berlaku diskriminasi sehingga kadang kala memberi impak emosi kepada para graduan OKU yang ingin mencari pekerjaan setelah tamat pengajian. [Mohhairil et al. \(2018\)](#) berpendapat, isu utama golongan OKU sukar mendapat pekerjaan terutamanya yang mempunyai masalah penglihatan kerana sikap negatif masyarakat di tempat kerja yang memandang golongan ini sebagai tidak mampu melakukan pekerjaan yang diberikan. [Hammad Saidi et al. \(2018\)](#) pula merangkumkan empat cabaran utama yang dialami oleh golongan OKU untuk mendapat pekerjaan iaitu isu kemampuan dan aksesibiliti, kemudahan teknologi, majikan dan rakan sekerja serta risiko keselamatan.

Walaupun pada masa kini, kerajaan telah melaksanakan dasar di mana golongan OKU perlu diberi peluang untuk bekerja di kementerian, iaitu ia merupakan nilai capaian KPI sebanyak satu Peratus, namun ia tidak dilakukan secara menyeluruh ([Astro Awani, 2021](#)). Menurut Senator, Ras Adiba berpendapat satu dasar untuk memperkasakan golongan OKU serta memberikan mereka peluang untuk bekerja di syarikat- syarikat perlu dilakukan bagi memberi semangat dan juga sinar dalam kehidupan golongan ini ([Sinar Harian, 2022](#)). Pelan Tindakan OKU 2016-2022 telah diperkenalkan untuk memperkasakan golongan ini pada tahun 2016 namun pelan ini tidak dimaktubkan sebagai sebuah dasar dan tidak digunakan secara menyeluruh. Oleh itu kajian dilakukan dengan menganalisis faktor-faktor yang terdiri daripada *top to bottom* dan *bottom to up* bagi mencari satu mekanisme baru yang boleh dijadikan polisi demi memberi peluang yang sama kepada Mahasiswa OKU bukan sahaja dalam aspek pendidikan malah apabila mereka sudah menamatkan pengajian.

### **3. Cabaran Pelajar OKU di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia**

Di Malaysia, kerajaan telah melakukan usaha besar untuk memastikan akses dan peluang yang sama untuk pendidikan dalam kalangan individu kurang upaya. Bagaimanapun, pelajar OKU masih menghadapi pelbagai cabaran apabila melanjutkan pelajaran ke peringkat institusi pengajian tinggi. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia seharusnya memainkan peranan penting dalam memupuk peluang pendidikan untuk semua individu, termasuk bagi pelajar OKU. Namun, sistem pengajian tinggi masih kurang memberi perhatian dalam menyediakan akses dan peluang yang sama rata kepada pelajar OKU.

Antara cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKU di IPTA ialah kekurangan akses fizikal ([Farhan et al., 2020](#)). Masih terdapat banyak kampus-kampus IPTA yang memiliki kekurangan infrastruktur dan kemudahan yang sesuai untuk menampung keperluan pelajar OKU. Sebagai contoh kekurangan kemudahan penting seperti tanjakan, lif, tandas yang boleh diakses, dan tempat letak kereta yang ditetapkan, menyukarkan pelajar kurang upaya untuk mengakses dewan kuliah, perpustakaan, makmal, dan kemudahan kampus lain ([Khan, 2019](#)). Selain itu, ketiadaan teknologi bantuan, seperti pembaca skrin, perisian teks ke pertuturan, dan laman web yang boleh diakses, seterusnya menghalang akses pelajar yang kurang upaya kepada bahan pembelajaran dan sumber dalam talian ([Yusoff et al., 2018](#)).

Pelajar kurang upaya juga menghadapi cabaran dari sudut akademik kerana kemudahan yang tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan pembelajaran mereka yang pelbagai. Kurikulum di IPTA tidak selalu direka bentuk secara inklusif untuk memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai masalah deria atau mobiliti, yang boleh menghalang pengalaman pembelajaran mereka (Abdullah et al., 2017). Selain itu, terdapat juga halangan kebolehcapaian fizikal, pelajar kurang upaya juga menghadapi perkhidmatan sokongan yang terhad (Hazlin & Safura, 2017; Shaberi et al., 2022). Kekurangan perkhidmatan sokongan akademik khusus, seperti penterjemah bahasa isyarat, pencatat nota dan tutor, yang menjejaskan keupayaan pelajar kurang upaya untuk memahami dan terlibat dengan kandungan kursus dengan berkesan (Heng et al., 2020). Pelajar kurang upaya amat memerlukan perkhidmatan sokongan khusus untuk memastikan persekitaran pembelajaran yang inklusif. Walau bagaimanapun, IPTA Malaysia selalunya mempunyai sumber yang terhad dan sistem sokongan yang tidak mencukupi untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar kurang upaya. Kekurangan sokongan ini boleh menghalang kemajuan akademik dan kesejahteraan keseluruhan mereka.

Stigma dan diskriminasi memberi cabaran besar kepada pelajar OKU di IPTA. Sikap negatif dan tingkah laku diskriminasi daripada rakan sebaya dan ahli fakulti memberi kesan kepada harga diri, semangat kekitaan dan prestasi akademik mereka (Mohd Nasir et al., 2019). Pelajar OKU sering diberikan pengecualian sosial, stigma, dan diskriminasi daripada rakan sebaya kerana kurang kesedaran dan pemahaman (Ali & Salleh, 2022). Pelajar OKU juga menghadapi integrasi sosial yang terhad, kerana halangan komunikasi, penyertaan terhad dalam aktiviti kokurikulum, dan kekurangan program kesedaran ketidakupayaan menyumbang kepada pengasingan dan pengecualian sosial mereka (Zain et al., 2018). Stigma sosial ini boleh mengakibatkan perasaan terasing, rendah diri, dan menghalang keseluruhan pengalaman akademik dan kejayaan mereka. Mewujudkan persekitaran sosial yang menyokong dan inklusif adalah penting untuk integrasi dan kesejahteraan mereka.

Terdapat juga beberapa cabaran dasar dan institusi yang menyumbang kepada kesukaran yang dihadapi oleh pelajar OKU di IPTA. Walaupun Malaysia telah melaksanakan dasar dan peraturan untuk menggalakkan pendidikan inklusif, terdapat kekurangan mekanisme penguatkuasaan dan akauntabiliti, menyebabkan pelaksanaan perkhidmatan sokongan orang kurang upaya tidak berkesan (Yusof et al., 2021; Anis Syafiqah et al., 2020). Selain itu, pelajar kurang upaya sering bergelut dengan kekangan kewangan, kerana kos yang berkaitan dengan peranti bantuan, pengangkutan dan perkhidmatan sokongan khusus tidak dilindungi secukupnya oleh biasiswa atau program bantuan kewangan yang tersedia (Ahmad et al., 2019).

Cabaran yang dihadapi oleh pelajar kurang upaya di IPTA di Malaysia merangkumi pelbagai aspek dan memerlukan penambahbaikan secara menyeluruh. Adalah penting untuk menangani isu yang berkaitan dengan kebolehcapaian fizikal, sumber teknologi, reka bentuk kurikulum inklusif, perkhidmatan sokongan akademik, perubahan sikap, integrasi sosial, penguatkuasaan dasar dan bantuan kewangan. Dengan menangani cabaran ini, IPTA dapat memastikan peluang pendidikan yang sama untuk semua pelajar, tanpa mengira kecacatan. Usaha mesti dibuat untuk mewujudkan persekitaran yang inklusif dan menyokong yang memperkasakan pelajar kurang upaya untuk mencapai potensi penuh mereka dalam pendidikan tinggi.

#### 4. Cadangan Penambahbaikan Dasar

Pelan Tindakan OKU 2016-2022 telah diperkenalkan untuk memperkasakan golongan ini pada tahun 2016 dengan merangkumi 10 teras strategik dengan menekankan asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Namun ia tidak dimaktubkan sebagai satu polisi dan digunakan secara menyeluruh. Oleh itu penambahbaikan terhadap polisi ini adalah dengan Memperkasakan Ekonomi Golongan OKU (Teras Strategi kedua) iaitu dengan mengadakan rapat umum untuk memberi pendedahan kepada semua golongan masyarakat tentang kepentingan memberi peluang kepada mahasiswa OKU ini untuk menempatkan diri dalam sektor pekerjaan tanpa diskriminasi. Sedikit insentif wajar diberikan kepada mana- mana syarikat yang mengambil golongan OKU untuk bekerja. Dari aspek pendidikan pula, bagi meningkatkan akses OKU Kepada Pendidikan (Teras Strategi ketiga), kerajaan perlu memantau dan menilai keberkesanan program dan pelan yang dilaksanakan bagi memastikan golongan sasaran ini mendapat faedah. Sebagai contoh, penambahbaikan infrastruktur di institut pengajian tinggi perlu mengikut kategori OKU. Manakala jenis kursus pengajian yang ditawarkan memerlukan jaminan pekerjaan kepada mereka.

#### 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, pelajar kurang upaya di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia menghadapi cabaran besar yang menghalang akses mereka kepada pendidikan tinggi berkualiti. Walau bagaimanapun, menangani cabaran ini selaras dengan visi dan matlamat Dasar Sabah Maju Jaya yang berusaha untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran Sabah. Dasar ini juga bertujuan untuk menggalakkan pembangunan inklusif dan mampan di Sabah, mengiktiraf kepentingan memastikan peluang dan akses yang sama kepada pendidikan untuk semua individu, termasuk pelajar kurang upaya.

Cabaran yang dihadapi oleh pelajar kurang upaya, seperti halangan kebolehcapaian fizikal, perkhidmatan sokongan terhad, dan pengecualian sosial, boleh ditangani melalui pelaksanaan dasar dan inisiatif inklusif di bawah SMJ dengan menggabungkan amalan pendidikan inklusif dan mengutamakan keperluan pelajar kurang upaya, Sabah boleh mewujudkan landskap pendidikan yang memupuk kepelbagaian, keterangkuman dan peluang yang sama untuk semua.

Di bawah dasar tersebut, IPTA di Sabah boleh memperuntukkan sumber dan pembiayaan untuk meningkatkan kebolehcapaian fizikal di kampus, memastikan pelajar kurang upaya mempunyai akses yang sama kepada kemudahan dan sumber. Selain itu, dengan mempertingkatkan perkhidmatan sokongan seperti teknologi bantuan, penginapan akademik, dan bantuan khusus, IPTA boleh memenuhi keperluan pelajar kurang upaya yang pelbagai, memudahkan kejayaan dan kesejahteraan akademik mereka. Penyertaan sosial juga merupakan aspek yang diberi perhatian dalam SMJ. Dengan menggalakkan kesedaran dan persefahaman dalam kalangan masyarakat luas, termasuk rakan sebaya, fakulti dan kakitangan, Sabah boleh memupuk budaya menerima dan menghormati pelajar kurang upaya. Ini boleh dicapai melalui program pendidikan dan kesedaran yang bertujuan untuk menghapuskan stigma, menggalakkan keterangkuman, dan mewujudkan persekitaran sosial yang menyokong dalam IPTA.

Akhirnya, kejayaan integrasi pelajar kurang upaya ke peringkat pengajian tinggi sejajar dengan matlamat menyeluruh SMJ untuk membina masyarakat yang makmur dan inklusif di Sabah. Dengan mengiktiraf kekuatan dan keupayaan unik pelajar OKU dan

menyediakan peluang yang sama kepada mereka untuk mengakses pendidikan berkualiti, Sabah boleh memanfaatkan sepenuhnya potensi modal insannya dan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan mampan jangka panjang negeri. Menangani cabaran yang dihadapi oleh pelajar kurang upaya di IPTA di Malaysia bukan sahaja penting untuk kejayaan individu mereka tetapi juga penting untuk merealisasikan matlamat yang ditetapkan oleh SMJ. Dengan mengutamakan amalan pendidikan inklusif dan memastikan peluang yang sama untuk semua, Sabah dapat membina masyarakat yang makmur dan inklusif di mana setiap individu, tanpa mengira kemampuan, boleh berkembang maju dan menyumbang kepada kemajuan negeri.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penghargaan kepada semua pihak khususnya para penulis yang terlibat dalam penghasilan penulisan ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Penerbitan ini tidak menerima sebarang bantuan ataupun tajaan kewangan.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

### **Rujukan**

- Abdullah, A. Z., Zainudin, N. A., & Zainudin, A. (2017). Inclusive Education Practices for Children with Disabilities: The Malaysian Experience. *Journal of Childhood & Developmental Disorders*, 3(2), 1-6.
- Ahmad Fadhlullah. (2022, Ogos 2). Diskriminasi OKU berleluasa. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/berita/2022/08/diskriminasi-oku-berleluasa/>
- Ahmad, Z., Khan, S. U., & Shaari, A. (2019). Perceived Financial Problems and its Impact on Academic Performance: Evidence from Disabled Students in Malaysian Public Universities. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(8), 100-114.
- Ali, Y. & Salleh, N. M. 2022. Penempatan Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Di Kolej Komuniti. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 278–291. doi:10.55057/jdpc.2022.4.1.21
- Amir Khalid. (2022, Ogos 2). Diskriminasi Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU). *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/galeri/2022/08/diskriminasi-terhadap-orang-kurang-upaya-oku/>
- Anis Syafiqah Shafie & Nor Kamilah Makhtar. (2020). Motivasi Penglibatan Siswa Guru Dalam Aktiviti Sukarelawan Membantu Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Motivational Involvement Among Pre Service Teachers in. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 8(2), 63–73.
- Astro Awani. (2021). *Dasar 1 peratus peluang kerja OKU jadi KPI semua kementerian*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dasar-1-peratus-peluang-kerja-oku-jadi-kpi-semua-kementerian-ismail-sabri-334395>
- Farhan, M., Hamil, S.M., Azmi, N.N., Roslid, N. U. J., Zainal, N. N., Kamaruddin, N. B., & Husin, M. R. (2020). Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 3(1), 1-10.



- Hammad Saidi, M., Amin, A. S., Aun, N. S. M., Selamat, M. N., & Nor, M. I. H. M. (2018). Isu dan Cabaran Pekerjaan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(4), 55-65.
- Hazlin, F. R. & Safura, A. (2017). Halangan Fasilitas Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi di Lembah Klang. *International Journal for Studies on China*, 2, 94-99.
- Heng, M. S. H., Abdullah, N. A., & Kamaruddin, R. (2020). Challenges Encountered by Disabled Students in Malaysian Universities: A Case. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 2098-2113.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). Statistik Pendaftaran OKU. [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTRAAN%20OKU%2031012023%20\(2\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTRAAN%20OKU%2031012023%20(2).pdf)
- Khan, S. U. (2019). Accessibility for Disabled Students in Malaysian Public Universities. *International Journal of Education, Learning, and Training*, 4(2), 153-159.
- Mohd Nasir, N. F., Harun, H., & Ahmad, S. N. S. (2019). The Influence of Stigma on Disabled Students' Self-Esteem and Academic Performance in Malaysian Higher Education Institutions. *Journal of Studies in Education*, 9(3), 1-16.
- Mohhairil, I., Lokman, M. W., & Amin, A. S. (2018). Isu Pekerjaan Orang Kurang Upaya Pendengaran: Kajian Kes di Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1-10.
- Shaberi, M., Puteri, D., & Izhar, N., (2022). Analisis isu-isu Berkaitan Hak dan Permasalahan Orang Kurang Upaya di Malaysia: Satu Sorotan Literatur, 5(1), 33-51. Diakses daripada <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>
- Sinar Harian. (2022, Mac 4). Syarikat perlu ada dasar ambil pekerja OKU. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/191045/berita/nasional/syarikat-perlu-ada-dasar-ambil-pekerja-oku>
- UNESCO. (2021). *Malaysia adopts first national policy for inclusive Open Educational Resources for the disabled*. Diakses daripada <https://www.unesco.org/en/articles/malaysia-adopts-first-national-policy-inclusive-open-educational-resources>
- United Nations. (2022). *Convention on the Rights of Person with Disabilities*. Diakses daripada <https://www.un.org/development/desa/disabilities/convention-on-the-rights-of-persons-with-disabilities/article-1-purpose.html#:~:text=Persons%20with%20disabilities%20include%20those,Next%3A%20Article%202%20%E2%80%93%20Definitions>
- World Health Organisation. (2022). [https://www.who.int/health-topics/disability#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/disability#tab=tab_1)
- Yusof, A., Yusoff, N., Zainudin, N. A., & Jaapar, S. S. (2021). Implementation of Inclusive Education Policies in Malaysian Higher Education Institutions: Challenges and Prospects. *Asian Education Studies*, 6(1), 1-13.
- Yusoff, N., Yusof, A., Mohd Zaid, N. F., & Jaapar, S. S. (2018). Accessibility of E-Learning Systems for Disabled Students in Malaysian Higher Education Institutions. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology*, 96(14), 4591-4603.
- Zaidi Hashim. (2017, November 22). Pengendali Perkhidmatan Awam Perlu Peka Keselamatan OKU. *Berita Harian*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/354476/pengendali-perkhidmatan-awam-perlu-peka-keselamatan-oku>
- Zain, S. M., Razak, A. A., & Mohd Nor, M. R. (2018). Social Integration Among Disabled Students in Malaysia's Public Institutions of Higher Learning. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(13), 196-210.